



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**YOUTH KNOWLEDGE ON THE CONCEPT AND ACTIVITY RELATED
TO HUMAN CAPITAL**

WAN AINAL YAQIN BINTI WAN ZULKIFLI

FEM 2008 12



**PENGETAHUAN BELIA TENTANG KONSEP DAN
AKTIVITI YANG DIKAITKAN DENGAN
MODAL INSAN**

WAN AINAL YAQIN BINTI WAN ZULKIFLI

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2008



**PENGETAHUAN BELIA TENTANG KONSEP DAN AKTIVITI YANG
DIKAITKAN DENGAN MODAL INSAN**

Oleh

WAN AINAL YAQIN BINTI WAN ZULKIFLI

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Sebahagian Keperluan Untuk
Ijazah Master Sains**

September 2008



DEDIKASI

Teristimewa buat suami
Izharuddin Shah Bin Kamaruddin
Restu, kesabaran dan doamu amat dihargai

Buat anakanda
Afif Hasif Bin Izharuddin Shah
Kehadiranmu menguatkan semangat untuk terus berjuang

Ayahanda dan Bonda
Wan Zulkifli Bin. Hj. Wan Abdullah
Mazanah Binti Mohammad
Kasih sayang dan nasihat kalian sentiasa menjadi panduanku

Ayahanda dan Bonda Mertua
Kamaruddin Bin Ab. Rahim
Zaiton Binti Mohd Nor
Terima Kasih atas perhatian dan sokongan yang diberikan

Dan
Seluruh keluarga tersayang
Semoga Allah memberkati hidup kalian



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGETAHUAN BELIA TENTANG KONSEP DAN AKTIVITI YANG
DIKAITKAN DENGAN MODAL INSAN**

Oleh

WAN AINAL YAQIN BINTI WAN ZULKIFLI

Pengerusi : Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Bin Sabran

Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengkaji pengetahuan belia tentang konsep dan aktiviti yang dikaitkan dengan modal insan. Golongan belia merupakan aset utama yang bakal menerajui kepimpinan negara. Kepentingan penyediaan tenaga belia yang berkualiti melalui aktiviti yang dilaksanakan bertujuan mempertingkatkan elemen-elemen modal insan yang dimiliki bagi melengkapkan belia dengan pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka menghadapi cabaran globalisasi. Oleh yang demikian, objektif kajian ini ialah mengkaji sama ada belia mengetahui atau tidak mengetahui tentang modal insan. Selain itu, objektif kajian juga adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong belia mengetahui dan faktor-faktor yang menghalang belia daripada mengetahui tentang modal insan.

Kajian telah dijalankan di Kuantan, Pahang pada 19 Mei 2007 sehingga 30 Jun 2007. Persampelan melibatkan 297 orang responden belia yang berumur di antara 17 tahun sehingga 25 tahun. Untuk memenuhi objektif kajian, borang



soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang latar belakang dan pengetahuan asas responden mengenai konsep dan aktiviti yang dikaitkan dengan modal insan, manakala Kumpulan Perbincangan Berfokus (*FGD*) telah dilaksanakan bagi menyokong dapatan kajian. Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai pengetahuan tentang modal insan. Faktor atau sumber utama kebanyakan responden mengetahui tentang modal insan ialah melalui televisyen seterusnya suratkhbar, rakan-rakan, radio, proses pembelajaran, ceramah, atau perjumpaan, internet, papan tanda dan melalui pemaju masyarakat, manakala faktor yang menghalang responden daripada mengetahui tentang modal insan adalah kerana tiada pendedahan tentang konsep modal insan, tiada sikap ingin tahu daripada responden itu sendiri, responden tidak mengikuti perkembangan semasa dan responden tidak memahami maksud modal insan tersebut.

Kesimpulannya, pengetahuan tentang konsep dan aktiviti yang dikaitkan dengan modal insan penting kepada belia bagi menarik minat mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang dilaksanakan. Usaha mengupayakan belia melalui program atau aktiviti pembangunan modal insan dapat melahirkan golongan belia yang berkualiti, berwibawa, mempunyai nilai kerohanian dan moral yang tinggi seterusnya meningkatkan peranan dan penyertaan belia dalam masyarakat dan pembangunan negara pada masa akan datang.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree Master of Sains

YOUTH KNOWLEDGE ON THE CONCEPT AND ACTIVITY RELATED TO HUMAN CAPITAL

By

WAN AINAL YAQIN BINTI WAN ZULKIFLI

Chairman : Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Bin Sabran

Faculty : Human Ecology

The study was carried out to examine youth's knowledge on the concept and activity related to human capital. The youth are the main asset of our nation and this group will be the future country's leadership. It is important to prepare a high quality workforce of youth through the implementation of activities designed to enhance the existing knowledge of human capital amongst the youth and provide them with sufficient knowledge and skills to face an era of globalization. Therefore the main objective of this study was to examine the youth's knowledge on the concept of human capital. Besides that, the objective of this research was also to identify what motivate and hinder youth from knowing about the concept of human capital.

The study was conducted in Kuantan, Pahang from the period of May 19th 2007 till June 30th 2007. A total of 297 respondents consisting of youth within the ages 17 to 25 years in age were sampled. To fulfill the objectives of the study questionnaires were used to get information about the background and basic



knowledge of the respondents on the concept and activities related to human capital, while FGD was carried out to support the research findings. The results from the study showed that the respondents possessed knowledge on human capital. The main sources quoted by most of the respondents as the channel with which they gained knowledge of human capital was from television, newspapers, friends, radio, formal classes, speeches, meetings, internet, signboards and through society agents. The obstacles that the respondents faced were lack of exposure of human capital concept, lack of inquisitiveness of respondents, low interest in the progress of current issue and also the respondents do not know the meaning of human capital itself.

As a conclusion, knowledge on the concept and activity is extremely important for the youth to attract their interest to be involved in activities conducted. Efforts to empower youth through activities related to human capital development can be instrumental in producing youth with high standards of morality, quality, spiritual value and obedience. These qualities play an essential role in increasing the involvement of youth in the community towards the development of the nation both in the present and in the future.



PENGHARGAAN

Segala puji ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat saya menyiapkan tesis master dalam jangkamasa yang ditetapkan.

Dengan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan iaitu Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Bin Sabran yang sentiasa memberi bimbingan, nasihat serta sumbangan idea dalam memberi kefahaman erti sebuah penyelidikan.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Dr. Mansor Bin Abu Talib selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan dalam memberi panduan serta nasihat untuk terus cemerlang dalam menyempurnakan penulisan tesis ini.

Ucapan terima kasih ditujukan kepada En. Zulkifly B. Mat Nor iaitu Pegawai Latihan dan Bimbingan di Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Pahang di atas kerjasama dalam memberi maklumat berkaitan belia di Kuantan. Buat rakan seperjuangan yang turut membantu terima kasih diucapkan dan terima kasih kepada semua responden yang terlibat membantu menjayakan kajian ini.

Sekalung penghargaan juga khusus ditujukan kepada pihak Fakulti Ekologi Manusia, pensyarah-pensyarah dan kakitangan Fakulti yang sentiasa memahami dan memberi kerjasama serta sokongan bantuan sepanjang pengajian ini.

Hanya Allah S.W.T yang dapat membalas budi baik kalian semua.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 12 September 2008 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Wan Ainal Yaqin binti Wan Zulkifli bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pengetahuan Belia Tentang Konsep dan Aktiviti yang Dikaitkan dengan Modal Insan” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD

Pensyarah
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Haslinda Abdullah, PhD

Pensyarah
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Norbaya Ahmad, PhD

Pensyarah
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Rahimah Abdul Aziz, PhD

Profesor
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 April 2009



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah master sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohammad Shatar Bin Sabran, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mansor Bin Abu Talib, PhD

Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD. GHAZALI, Phd

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 Mei 2009



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

WAN AINAL YAQIN BT. WAN ZULKIFLI

Tarikh:



SENARAI JADUAL

JADUAL		MUKA SURAT
1	Pengkategorian Umur Belia Bagi Negara Anggota Komanwel	28
2	Maklumat Latar Belakang Responden	107
3	Pengetahuan Responden Tentang Modal Insan	117
4	Latar Belakang Responden <i>FGD</i>	214
5	Faedah Pengetahuan Dan Aktiviti Yang Dikaitkan Dengan Modal Insan	141
6	Dorongan Dan Halangan Terhadap Pembentukan Modal Insan	161
7	Masa Depan Dan Sumbangan Pembangunan Modal Insan	178

SENARAI RAJAH

RAJAH		MUKA SURAT
1	Kerangka Kerja Konseptual Kajian Pengetahuan Belia Tentang Konsep Dan Aktiiti Yang Dikaitkan Dengan Modal Insan	20
2	Taburan Umur Responden	109
3	Taburan Jantina Responden	110
4	Taburan Agama Responden	111
5	Taburan Bangsa Responden	112
6	Taraf Pendidikan Responden	113
7	Pernah Mendengar Modal Insan	122
8	Sumber Mengetahui Tentang Modal Insan	122
9	Faktor-Faktor Penghalang	128
10	Maksud Modal Insan	131
11	Maksud Modal Insan	132
12	Elemen-Elemen Pembentukan Modal Insan	138
13	Elemen-Elemen Pembentukan Modal Insan	139

14	Faedah Pembangunan Modal Insan	146
15	Peranan Belia Dalam Pembangunan Modal Insan	148
16	Peranan Modal Insan Dalam Pembangunan Negara	149
17	Cadangan Program Atau Aktiviti	151
18	Akibat Tiada Modal Insan	156
19	Kepentingan Modal Insan Kepada Belia	159
20	Faktor-Faktor Mendorong Belia Menyertai Program Atau Aktiviti	167
21	Faktor-Faktor Menghalang Belia Menyertai Program Atau Aktiviti	172
22	Pengupayaan Membentuk Modal Insan	175
23	Ketidakupayaan Membentuk Modal Insan	177
24	Kesedaran Belia	179
25	Kepentingan Belia Kepada Negara	180
26	Sumbangan Dalam Membangunkan Modal Insan	185



SENARAI SINGKATAN

CDA	=	Community Development Academy
FGD	=	Focus Group Discussion
IPTA	=	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	=	Institut Pengajian Tinggi Swasta
KBS	=	Kementerian Belia Dan Sukan
KEMAS	=	Jabatan Kemajuan Masyarakat
MASTER	=	Ijazah Sarjana
NGO	=	Badan Bukan Kerajaan (<i>Non-governmental organizations</i>)
PBB	=	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBSM	=	Persatuan Bulan Sabit Merah
Ph.D	=	Ijazah Doktor Falsafah
PLKN	=	Program Latihan Khidmat Negara
PMR	=	Penilaian Menengah Rendah
RMKe-9	=	Rancangan Malaysia Kesembilan
S&T	=	Sains Dan Teknologi
S.D	=	Sisihan Piawai (<i>Standard Deviation</i>)
SPM	=	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	=	Statistical Package For The Social Science
STPM	=	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia



SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB PENDAHULUAN

1	1.1	Pengenalan	1
	1.2	Penyataan Masalah	8
	1.3	Kepentingan Kajian	14
	1.4	Objektif Kajian	18
	1.5	Kerangka Kerja Konseptual Kajian	18
	1.6	Definisi Istilah	21
	1.6.1	Belia	21
	1.6.2	Pengetahuan	21
	1.6.3	Konsep Modal Insan	22

BAB TINJAUAN LITERATUR

2	2.1	Pengenalan	23
	2.2	Belia	27
	2.3	Pengetahuan	33
	2.4	Modal Insan	52
	2.5	Modal Sosial	60
	2.6	Perkaitan Antara Modal Insan Dan Modal Sosial	67
	2.7	Konsep Modal Insan	71
	2.8	Teori Pembangunan Modal Insan	81
	2.8.1	Teori Humanistik	81
	2.8.2	Teori Pembelajaran Sosial	83
	2.8.3	Teori Ruang	85
	2.9	Ringkasan	87



BAB	METODOLOGI	
3	3.1	Reka Bentuk Kajian 88
	3.2	Limitasi Kajian 88
	3.3	Lokasi Kajian 89
	3.4	Persampelan 91
	3.5	Pengumpulan Data 92
		3.5.1 Borang Soal Selidik 92
		3.5.2 Kumpulan Perbincangan Berfokus (<i>FGD</i>) 96
		3.5.3 Temu bual Bersemuka (<i>Face to Face</i>) 99
		3.5.4 Pemerhatian 100
	3.6	Analisis Data 101
	3.7	Ringkasan 105

BAB	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4	4.1	Pengenalan 106
	4.2	Maklumat Latar Belakang Responden 106
		4.2.1 Umur 108
		4.2.2 Jantina 109
		4.2.3 Agama 110
		4.2.4 Bangsa 111
		4.2.5 Taraf pendidikan 112
		4.2.6 Status perkahwinan dan bilangan tanggungan keluarga 114
		4.2.7 Sektor pekerjaan dan tahap pendapatan 114
	4.3	Pengetahuan Responden Mengenai Modal Insan 116
		4.3.1 Pernah mendengar dan sumber mengetahui tentang modal insan 119
		4.3.2 Faktor-faktor penghalang tidak mengetahui tentang modal insan 123
		4.3.3 Maksud modal insan 128
		4.3.4 Elemen-elemen pembentukan modal insan 132
	4.4	Faedah Pengetahuan Dan Aktiviti Yang Dikaitkan Dengan Modal Insan 139
		4.4.1 Faedah melalui pembangunan modal insan 142
		4.4.2 Peranan belia dalam pembangunan modal insan 147
		4.4.3 Peranan modal insan dalam pembangunan negara 148
		4.4.4 Cadangan program atau aktiviti 149
		4.4.5 Akibat tiada pengetahuan tentang modal insan 151
		4.4.6 Kepentingan modal insan kepada belia 156
	4.5	Dorongan Dan Halangan Terhadap Pembentukan 160

	Modal Insan	
	4.5.1 Menyertai program atau aktiviti ke arah pembentukan modal insan	162
	4.5.2 Faktor-faktor mendorong belia menyertai program atau aktiviti	162
	4.5.3 Faktor-faktor menghalang belia menyertai program atau aktiviti	167
	4.5.4 Faedah serta pengalaman daripada program atau aktiviti	172
	4.5.5 Kebolehcapaian membentuk modal insan	174
	4.5.6 Pengupayaan membentuk modal insan	174
	4.5.7 Ketidakupayaan membentuk modal insan	176
4.6	Harapan Dan Masa Depan Pembangunan Modal Insan	177
	4.6.1 Kesedaran belia	178
	4.6.2 Kepentingan belia kepada negara	179
	4.6.3 Pandangan serta cadangan program pembentukan modal insan	181
	4.6.4 Sumbangan dalam membangunkan modal insan	182
4.7	Ringkasan	185
BAB	KESIMPULAN	
5	5.1 Kesimpulan	188
	5.2 Implikasi Kajian	190
	5.3 Cadangan	191
	5.4 Cadangan Kajian	196
	BIBLIOGRAFI	198
	LAMPIRAN	214
	BIODATA PENULIS	L



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Modal insan merupakan suatu elemen penting yang menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara. Modal insan yang berkualiti akan memberikan nilai tambah yang diperlukan oleh sesebuah negara yang sedang membangun bagi mempertingkatkan produktiviti yang dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara, usaha ke arah penjana modal insan yang berkualiti, mencukupi dan berterusan akan menjadi pemangkin kepada proses peningkatan kemajuan dan juga kesejahteraan masyarakat. Kepesatan pembangunan negara sememangnya memerlukan modal insan yang berilmu dan berkemahiran dalam melaksanakan tanggungjawab pembangunan. Justeru, modal insan memainkan peranan yang besar dalam proses perancangan dan pelaksanaan agenda pembangunan negara (Yahya dan Abd. Hair, 2008).

Pembangunan modal insan adalah isu yang sering dibincangkan di kebanyakan negara di rantau Asia Tenggara yang sememangnya peka dan akur kepada keperluan dan pembangunan modal insan dalam era globalisasi di mana situasi ini dimanifestasikan dalam sistem pendidikan kebangsaan negara masing-masing yang bertujuan melahirkan modal insan yang mampu menghadapi

persaingan global (Mohd. Yusof dan Dullah Mulok, 2008). Rakyat Malaysia seharusnya bersyukur kerana dikurniakan kesejahteraan dan kestabilan politik yang mampu mempertahankan integriti di mana kerajaan bersungguh-sungguh dalam menyediakan kemodenan dan keselesaan kepada rakyat. Berteduh di bawah satu payung yang sama menyebabkan rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha untuk mencapai cita-cita berdasarkan lima prinsip iaitu, Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluruhan Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang serta Kesopanan dan Kesusilaan. Keunikan negara Malaysia sebagai sebuah negara majmuk yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan mengamalkan agama, adat resam serta kepercayaan yang berbeza memperlihatkan bahawa rakyat mendukung cita-cita dalam mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat, memelihara satu cara hidup demokratik, mencipta satu masyarakat yang adil agar kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama.

Masyarakat Malaysia turut menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dengan pelbagai corak dalam membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden untuk kemajuan negara. Masyarakat Malaysia juga menduduki suatu tempat istimewa dalam sejarah politik dunia moden, khususnya di Negara Dunia Ketiga apabila Malaysia merupakan satu-satunya negara yang jelas memperlihatkan keinginannya pada masa hadapan di mana proklamasi "*Wawasan 2020*" yang telah disampaikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad,



bekas Perdana Menteri Malaysia pada 28 Februari 1991 yang lalu menggariskan halacara dan matlamat Malaysia untuk tiga desawarsa atau satu generasi yang akan datang. Pernyataan politik sejelas dan seberani ini belum pernah dibuat oleh pemimpin dunia ketiga yang secara tidak langsung meletakkan masyarakat Malaysia khususnya golongan pemimpin yang berpandangan jauh ini, teristimewa dalam sejarah politik moden dunia ketiga (Shamsul Amri, 1993).

Malaysia juga dilihat sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun dalam mencapai kejayaan cemerlang melalui pelbagai bidang dan kini sedang berusaha menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri menjelang tahun 2020. Untuk melangkah ke masa hadapan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang, negara harus bijak mengurus kejayaan, tegas dalam mengatasi pelbagai masalah agar kelemahan dan kekurangan dapat diperkukuh serta dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Memandangkan Malaysia kini berada dipertengahan jalan dalam perjuangan menjadi sebuah negara maju, pengalaman terdahulu amat penting untuk memandu negara dalam pendakian seterusnya menjelang tahun 2020 yang lebih curam, berliku dan pastinya mencabar (Abdullah, 2006).

Malaysia perlu menangani pelbagai perubahan besar dalam dunia global, di samping menambahbaik dan meningkatkan persekitaran domestik negara. Menyedari hakikat ini, pada 31 Mac 2006, Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato'



Seri Abdullah Ahmad Badawi telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sebagai pelan pembangunan negara bagi tempoh 2006 sehingga 2010. Misi Nasional ini merupakan satu rangka dasar dan pelaksanaan yang menggariskan keutamaan negara untuk tempoh 15 tahun yang akan datang. Matlamat RMKe-9 adalah untuk mencapai pertumbuhan bersama dengan pengagihan yang lebih luas dan saksama (Berita Harian, 2006).

Pembangunan yang dikehendaki itu seharusnya juga mendatangkan faedah kepada sebilangan besar rakyat. Ini kerana pembangunan yang hanya memberikan faedah kepada segolongan kecil individu belum boleh dianggap sebagai satu proses pembangunan yang lengkap dan sempurna. Sebagai satu proses perubahan, pembangunan hanya tercapai apabila majoriti rakyat menikmati kekayaan negara dan apabila terdapat kemajuan dari segi kualiti hidup (Mahathir, 1999). Matlamat ini turut bertepatan dengan tujuan utama pembangunan komuniti yang merupakan salah satu daripada strategi pembangunan iaitu untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat yang terlibat serta membantu komuniti tersebut dalam meningkatkan keadaan sosial dan ekonomi mereka. Ini sememangnya tidak mudah dilakukan tetapi masih boleh diusahakan (Asnarulkhadi, 2003). Jika dilihat kepada masyarakat mutakhir iaitu masyarakat sekarang, negara memerlukan suatu falsafah serta dasar pembangunan masyarakat dan negara yang seimbang, lebih komprehensif, dengan mengambil kira pelbagai aspek penting kehidupan



bermasyarakat bukan hanya dengan mengutamakan pembangunan negara berbentuk material serta infrastruktur fizikal yang lebih dikenali dengan '*hard development*' tetapi dalam masa yang sama turut memberi perhatian terhadap program ke arah '*soft development*' iaitu program pembangunan insaniah (Mohammad Shatar, Roshafiza dan Suhaida, 2007).

Pembinaan dan pengukuhan terhadap proses pembangunan manusia bukan sesuatu yang mudah kerana manusia itu sendiri sangat rencam sifatnya kesan daripada perbezaan latar belakang sosiobudaya dan keadaan di sekeliling yang sentiasa berubah-ubah akibat perkembangan tamadun manusia. Kepelbagaian antara individu dan kepesatan perubahan yang berlaku memerlukan pemahaman dan penelitian yang mendalam agar kepelbagaian individu yang wujud tidak menjadi kekangan dan perubahan pesat yang berlaku tidak menjadi ancaman (Azizan, 2004). Dalam hal ini, semua pihak perlu sentiasa berusaha untuk membangunkan diri dari segi sikap, semangat, keilmuan dan kepakaran agar perkhidmatan berkualiti yang dihasratkan dapat menjadi realiti yang berterusan.

Oleh yang demikian, dalam memastikan Wawasan 2020 menjadi realiti, negara memerlukan penglibatan yang kukuh daripada masyarakat terutama daripada golongan belia negara. Ini kerana generasi muda atau belia merupakan aset yang berharga kepada negara. Profil kependudukan negara juga memperlihatkan belia sebagai sumber terbesar dalam negara. Belia dilihat



sebagai satu golongan pelapis masa hadapan yang bakal menerajui tampuk pimpinan negara. Belia hari ini yang akan mencorakkan maju atau mundur negara pada masa hadapan (Turiman, 1998). Namun sejauh manakah golongan pelapis ini menyedari tentang kepentingan mereka terhadap negara. Persoalan ini perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Di Malaysia golongan belia adalah merujuk kepada individu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Dari segi perkembangan manusia pula ialah di peringkat 15 tahun hingga 24 tahun di mana golongan ini mengalami perkembangan psikososial yang sangat kompleks, cenderung meneroka alam kehidupan dan suka menguji batasan peraturan masyarakat (Abdullah Al-Hadi, Rozumah dan Siti Nor, 1998). Belia sering menjadi fokus kerana kaitannya dengan gambaran potensi politik dan idealisme. Apatah lagi, gaya hidup dan pemikiran yang acapkali menentang ketetapan masyarakat sebelumnya. Berdasarkan kedominannya dalam populasi negara sememangnya tidak dapat disangkal bahawa belia merupakan aset yang bernilai sebagai pewaris yang akan meneruskan kesinambungan negara dan peranannya sebagai rakan kongsi dalam pembangunan (Azizan, 2004).

Selain itu, belia juga merupakan warisan negara yang bakal menerajui masa depan bukan sahaja untuk diri sendiri, malah keluarga, masyarakat dan negara. Belia akan menentukan hala tuju masa depan negara kerana mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap keadilan sosial, politik dan ekonomi serta

